

## **Penjara 20 Tahun, Denda RM 150,000**

---

Pemabuk bakal berdepan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda maksimum RM150,000 selepas Pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) membabitkan Seksyen 41 hingga Seksyen 45 dibuat.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berkata, pindaan akta berkenaan juga membabitkan hukuman berbeza antara pemandu mabuk mengakibatkan kemalangan maut dan kemalangan sahaja.

Sebelum ini, kadar hukuman maksimum penjara ialah 15 tahun dan denda maksimum ialah RM6,000.

Ka Siong berkata, kerajaan serius menangani isu berkaitan pemandu mabuk.

"Kita bukan ambil hak orang lain minum minuman keras, tetapi kita tidak mahu mereka mendatangkan kemudaratan kepada rakyat," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Seri Shahidan Kassim (BN-Arau) pada Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen ke-14 di Dewan Rakyat semalam.

Shahidan meminta kerajaan memberikan gambaran awal bentuk hukuman lebih berat dijangka dikenakan terhadap pemandu mabuk bagi kefahaman awal rakyat di Malaysia susulan pindaan Akta 333 dilaksanakan kelak.

Sementara itu, Ka Siong berkata, selain pindaan hukuman, kerajaan juga akan meminda had kandungan alkohol yang dibenarkan supaya selaras dengan piawaian disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Kata beliau, had kandungan itu dari pada 35 mikrogram (mg) alkohol dalam 100 mililiter (ml) nafas; 80ml alkohol dalam 100ml darah atau 107ml alkohol dalam 100ml air kencing kepada 22mg alkohol dalam 100ml nafas; 50ml alkohol dalam 100ml darah atau 67ml alkohol dalam 100ml air kencing.

Dalam perkembangan lain, Ka Siong menegaskan Kabinet bersetuju meluluskan rangka cadangan mempetluaskan bidang penguatkuasaan terhadap pemandu mabuk kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan tidak terhad kepada polis semata-mata.

Menjawab soalan tambahan Anthony Loke Siew Fong (DAP-Seremban) susulan jumlah kematian diakibatkan pemandu mabuk dicatatkan sebanyak 12 kes sepanjang tahun ini, kerajaan melihat keperluan untuk bidang menguatkuasakan undang-undang menangkap pemandu mabuk turut diperluaskan kepada JPJ.

"Kita lihat polis jalankan tugas dengan baik, mengapa tidak kita meluaskan pelaksanaan bidang penguatkuasaan terhadap pemandu mabuk kepada JPJ?"

"Oleh itu, Kabinet bersetuju meluluskan bab menangkap pemandu mabuk diperluaskan kepada JPJ," katanya.

---

**SOURCE: SINAR HARIAN | M/S: 9 | 16 JULAI 2020**